

# Usim wajib siswa perubatan hafal surah

Oleh Khairina Yasin

**S**EJAJAR matlamat melahirkan graduan perubatan berkonsepkan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengambil pendekatan mewajibkan pelajar perubatannya menghafal beberapa surah al-Quran, khususnya berkaitan perubatan selain mendalami Kursus Pengajian Islam.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Usim, Prof Datuk Dr Nik Mohd Nasri Nik Ismail, berkata pendekatan itu sebagai nilai tambah kepada pelajar kerana mereka bukan saja tahu memilih ubat-ubatan, tetapi berupaya merujuk nas al-Quran bertujuan menyelesaikan isu yang menyentuh hukum.

Kelainan itu katanya, membezakan FPSK Usim dengan fakulti perubatan di institusi pengajian tinggi awam lain, selain penekanan terhadap bahasa Arab, Inggeris dan Melayu.

"Program perubatan Usim terbahagi dua peringkat pengajian iaitu tiga tahun pertama bagi kursus praklinikal, manakala tiga tahun lagi klinikal.

"Kursus praklinikal menumpukan pendekatan pembelajaran teori, selain penekanan amali di makmal perubatan.

"Pendedahan sebenar bidang perubatan diberikan pada peringkat klinikal dengan menempatkan pelajar di hospital pengajaran sebagai memenuhi keperluan proses pengajaran dan pembelajaran," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Beliau berkata, Usim mendapat kebenaran Kementerian Kesihatan menggunakan Hospital Ampang, Selangor; Hospital Temerloh, Hospital Tampin dan Hospital Jelebu sebagai hospital pengajaran pelajar perubatan universiti itu.

Beliau menjelaskan, satu lagi perbezaan kursus di Usim ialah pelajar diwajibkan menjalani praktikal bersama pengamal perubatan swasta selama tiga minggu pada tahun kelima pengajian, selain menyediakan dua tesis berdasarkan topik penyelidikan berkaitan perubatan.

Mengenai pembinaan kampus tetap fakulti itu, beliau berkata, pihak universiti sudah mengenal pasti tapak baru berhampiran kampus induk di Nilai.

Ketika ini katanya, fakulti itu beroperasi sementara di kampus Pandan Indah memandangkan Hospital Ampang dan Hospital Temerloh akan digunakan sebagai hospital pengajaran fakulti terbabit, mulai tahun depan.

Mengenai perancangan FPSK, Nik Mohd Nasri berkata, pihak fakulti merancang menawarkan dua program baru dalam bidang kejururawatan dan farmasi dalam tempoh dua tahun lagi.